Hari Raya

Aidil Fitri Yang Berbahagia

Maha Besar Allah, Tuhan sekalian alam, yang telah menjadikan hari raya ini bergembira bagi orang yang benar niatnya. Diterimanya pula ibadat puasanya pada siang hari bulan Ramadan, dan ibadat sembahyangnya pada waktu malamnya. Hari bersuka ria bagi orong[1] yang tenteram jiwanya dan baik tingkah lakunya, dan perkataannya pada bulan Ramadan yang baharu lalu. Hari bermaaf-maafan bagi orang yang suka memberi maaf terhadap saudaranya yang telah terlanjur membuat kesalahan. Dan hari berbuat kebajikan terhadap orang yang mengganggunya. Dan juga melakukan perkara-perkara yang baik untuk faedah manusia umumnya.

(oleh: al-Ustādh Muhammad Ali al-Hamidi)

Inilah hari raya. Kelazatan berhari raya ini hanya dapat dikecap dan dirasai oleh orang yang betul-betul memeluk agama Islam, yang taat menjalankan perintah Allah dan Rasul-Nya.

Inilah hari kemenangan, kalau sekiranya pada hari ini umat Islam bersatu padu, tidak berpecah belah dan jatuh menjatuhkan. Inilah juga hari bahagia, kalau kita berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk kebaikan masa yang akan datang, bertambah dekat kepada Allah, dan selalu ingat akan kekuasan-Nya, kebesaran-Nya dan segala nikmat yang dilimpahkan kepada kita, dengan melakukan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, serta segera bertaubat kepada Allah *'azza wa jalla* bila tergelincir ke dalam dosa. Perhatikanlah sabda Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*:

*Min sa'ādati al-mar'i an yaṭūla 'umruhu wa yarzuqahu Allāhu al-inābah. (*al-Ḥākim*).*

Ertinya: "Daripada kebahagiaan seseorang, iaitu lanjut umurnya dan dikurniakan Allah akan taubat kepada-Nya."

Sabdanya lagi:

*Man aḥsana fīmā baqiya lahu ghufira lahu mā maḍā. Wa man asā'a fīmā baqiya ukhidha mā maḍā wa mā baqiya. (*al-Ṭabrānī*).*

Ertinya: "Barangsiapa berbuat baik dalam umurnya yang tinggal nescaya diampunkan dosanya yang telah lalu. Dan barangsiapa berbuat jahat dalam umurnya yang tinggal, ia akan disiksa kerana dosanya yang telah lalu dan yang tinggal."

Renungkanlah peringatan Nabī itu!

Allāhu Akbar.

Kelazatan berhari raya, pada zahirnya kelihatan telah dirasai juga oleh orang yang turut merayakannya. Tetapi pada hakikatnya hanyalah orang yang betul-betul memeluk agama Islam, yang dapat mengecap dan merasai nikmat dan lazatnya berhari raya itu.

Kita katakan lazat, kerana ia telah mencapai kemenangan dalam peperangan besar, atau *al-jihād al-akbar*, menentang

[1] orang

dan menundukkan kemahuan hawa nafsu. Ia telah sanggup menahan nafsunya daripada makan dan minum dan bercampur terhadap barang yang halal dan kepunyaannya sendiri. Yang demikian menjadi suatu tanda bahawa ia lebih sanggup lagi menahan suatu itu terhadap barang yang haram dan bukan kepunyaannya. Kelazatan lainnya iaitu ia telah sanggup memberikan sebahagian hak miliknya sendiri merasai kepedihan lapar dan haus pada siang hari bulan Ramadan.

Tentang kekembiraan[1] orang yang berpuasa, Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

*Li al-ṣā'imi farhatāni yafraḥuhumā: idhā afṭara fariḥa bi fiṭrihi, wa idhā laqiya rabbahu fariḥa bi ṣawmihi. (*Aḥmad *wa* Muslim *wa* al-Nasā'ī*).*

Ertinya: "Orang yang berpuasa itu mendapat dua kegembiraan yang ia akan bergembira dengan keduanya: iaitu apabila ia berbuka puasa ia bergembira dengan berbukanya itu. Dan apabila ia bertemu dengan Tuhannya, ia bergembira dengan puasanya."

Tentang keutamaan zakat fitrah pula telah dijelaskan oleh Nabī *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam:*

Faraḍa Rasūlu Allāhi ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam zakāta al-fiṭri ṭuharatan li al-ṣā'imi min al-laghwi wa al-rafathi wa ṭa'mah li al-masākin. (Abū Dawud *wa* ibn Mājah *wa* al-Dār Quṭnī).

Qāla Rasūlu Allāhi ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam..

Ṣawmu Ramaḍāna mu'allaqun bayna al-samā'i wa al-arḍi

la yurfa'u illā bi zakāti al-fiṭri

Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* bersabda:

"Amal puasa Ramadan (seseorang itu) tergantung di antara langit dengan bumi, tidak terangkat (tidak diterima oleh Allāh Ta'ālā) melainkan dengan zakat fitrah."

[1] kegembiraan

Ertinya: "Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah mewajibkan zakat fitrah sebagai pembersih bagi orang yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan perkataan yang kotor, dan sebagai pemberi makan bagi orang-orang yang miskin."

Allāhu Akbar.

Jelaslah, bahawa hari raya, ialah hari bahagia bagi orang-orang yang memeluk agama Islam, kerana mereka dapat memberi pertolongan kepada saudara-saudara yang tidak mampu, sehingga orang-orang itu turut serta bergembira dan berbahagia. Suatu benih persaudaraan yang tertanam dalam zakat fitrah itu berbuahkan kasih sayang sesama sendiri.

Niat hendak melakukan kebaikan itu, hendaknya menjadi tujuan hidup kita. Lebih dahulu kita berusaha memperbaikki[2] diri kita sendiri dengan membersihkannya dari perbuatan jahat. Kemudian kita limpahkan kebaikkan[3] itu kepada masyarakat yang ada di sekitar kita. Kalau tiap-tiap kita kaum Muslimin berniat demikian, dan niat baiknya itu diwujukan[4] menjadi amal yang nyata, nescaya keadaan kita sudah lama menjadi baik. Kerana orang yang teguh memegang agama Allah, sudah tentu akan menjadi orang yang baik. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah Ta'ālā dengan firman-Nya:

Wa man ya'taṣim bi Allāhi faqad hudiya ilā ṣirāṭin mustaqīm. (110[5], *Āli 'Imrān*).

Ertinya: "Dan barangsiapa berpegang teguh kepada agama Allah, maka sesungguhnya terpimpinlah dia kepada jalan yang lurus"

Marilah kita memohonkan doa kepada Allah *subḥānahu wa ta'ālā:* Ya Allah ya Tuhan kami, teguhkanlah perdirian[6] kami dalam memeluk agama-Mu dan dalam membela dan mempertahakan kesuciannya. Berikanlah kemenangan di dalam memperjuangkan kemuliaan umat Islam. Jadikanlah negeri kami negeri yang aman, sejahtera, makmur. Dan limpahkanlah rahmat dan pengampunan. *Āmīn yā mujību al-sā'ilīn.*

Qāla Allāhu Ta'ālā fi kitābihi al-karīm

Wa al-ladhīna hum li al-zakāti fā'ilūn

Firman Allah Ta'ālā di dalam kitabnya *al-Qur'ān al-Karīm:*

"Dan mereka yang mengeluarkan zakat." (iaitu merekalah orang-orang yang beriman dan berbahagia).

[2] memperbaiki
[3] kebaikan
[4] diwujudkan
[5] 101
[6] pendirian